

20 JUN 2003

Syed Hamid-Brunei/I

MALAYSIA HARAP MASALAH SEMPADAN DENGAN BRUNEI DISELESAIKAN SEGERA

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Malaysia berharap penyelesaian terhadap masalah pertindihan tuntutan sempadan dengan Brunei akan dapat dicapai segera demi kepentingan kedua-dua buah negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata masalah berkenaan telah dibincangkan di peringkat tertinggi kedua-dua buah negara.

"Saya telah berbincang, Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) juga membincangkannya. Kita mahu mencari penyelesaian, Brunei dan Malaysia...hubungan kita sangat baik," katanya kepada pemberita selepas berjumpa 44 wakil Kelab Umno, di luar Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini.

Syed Hamid menggulus mengenai pertindihan tuntutan yang melibatkan kawasan Limbang di Sarawak.

"Pertindihan tuntutan itu masih belum selesai selepas sekian lama, akan timbul salahfaham dan kita berharap penyelesaian yang memuaskan kedua-dua pihak akan dicapai," katanya.

Beliau berkata Malaysia hanya mahu memastikan kawasan perairan atau Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) miliknya tidak terjejas.

"Kedua-dua buah negara berkongsi sempadan perairan dan EEZ yang tertentu disebabkan kedudukan geografi, jika kedudukan itu tidak dijelaskan, boleh timbul masalah," katanya.

"Apa yang penting ialah sebarang kegiatan di kawasan berkenaan dilaksanakan dengan persefahaman bersama...Saya percaya ia sedang diusahakan dan apabila sudah jelas, syarikat-syarikat minyak boleh meneruskan aktiviti kerana (baru-baru ini) usaha carigali oleh Malaysia telah diusir (dari kawasan bertindih)," katanya.

-- BERNAMA

MUN KHY MOZ